



## **KENYATAAN MEDIA**

**YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MALAYSIA**

**24 APRIL 2016**

---

### **OPERASI PEMBENIHAN AWAN (OPA) HASILKAN HUJAN DI EMPANGAN SEPRI, NEGERI SEMBILAN**

---

OPA yang berpangkalan di Lapangan Terbang Subang diteruskan di Melaka dan Negeri Sembilan pada hari ini dan telah berjaya menghasilkan hujan di kawasan Empangan Sepri, Negeri Sembilan.

Manakala di Empangan Gemencheh (Negeru Sembilan) dan Empangan Durian Tunggal (Melaka) perkembangan awan telah diperhatikan selepas pembenihan.

Sehingga jam 4.00 petang hari ini juga, hanya Stesen Meteorologi Kuala Krai dan Mersing masing-masing merekodkan bacaan tertinggi iaitu 36.5°C, diikuti Chuping 36.4°C dan Muadzam Shah 36.1°C.

4 kawasan yang masih mencatatkan bilangan hari tanpa hujan melebihi 10 hari berturut-turut menyenaraikan 3 lokasi di Semenanjung ( Kota Bharu, Machang dan Kelang) dan 1 di Sabah (Kudat).

Bilangan titik panas yang dicerap di Semenanjung telah menurun kepada 4 berbanding semalam (18 titik panas) disebabkan berlakunya hujan di beberapa tempat. Titik panas hanya satu dikesan di Sabah

(Kuala Penyu, Bahagian Pedalaman) manakala tiada titik panas di Sarawak.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

---

**Unit Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia**  
**Phone: 03-8885 8141, Fax: 03-8890 3092**  
**Email: [ukk.mosti@1govuc.gov.my](mailto:ukk.mosti@1govuc.gov.my)**

